



YANG DI-PERTUAN AGONG Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menganugerahkan Darjah Kebesaran Seri Setia Mahkota Malaysia yang membawa gelaran 'Tun' kepada Dr Siti Hasmah di Balairong Seri Istana Negara, semalam. - Gambar Bernama

Dr Mahathir, isteri terima gelaran Tun

BH 01/11/2003 - 2 PRECISE

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dianugerahi darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N), anugerah tertinggi negara yang membawa gelaran Tun, sebaik saja melepaskan jawatan Perdana Menteri yang dipegangnya selama 22 tahun.

Isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pula menerima anugerah Seri Setia Mahkota Malaysia (S.S.M), yang juga membawa gelaran Tun.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Balairong Seri Istana Negara di sini, sejurus selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima dalam upacara yang bermula pada jam 3.05 petang.

Turut hadir isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood serta orang kenamaan lain termasuk anggota Kabinet, Menteri Besar dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh serta

Speaker Dewan Rakyat, Tun Dr Mohd Zahir Ismail.

Anugerah S.M.N. yang diterima Dr Mahathir adalah Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk jumlah warga asing yang menerimanya sebagai anugerah kehormat.

Penyandang darjah ini membawa gelaran Tun dan isteri penyandang bergelar Toh Puan.

Anugerah S.S.M. yang diterima oleh Dr Siti Hasmah adalah Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia pangkat pertama.

Keanggotaan dalam darjah ini juga terhad kepada 25 orang tidak termasuk warga asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.

Dr Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri keempat selama 22 tahun menggantikan Tun Hussein Onn yang menyerahkan tugas jawatan itu kepada Dr Mahathir yang ketika itu timbalannya.

Dr Mahathir mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri keempat di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah pada 16 Julai 1981.

Gelaran Tun sebelum ini pernah dianugerahkan kepada Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak pada 31 Ogos 1959 sempena ulang tahun kedua kemerdekaan negara. Beliau meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Beliau menerima darjah yang sama dengan Dr Mahathir iaitu S.M.N.

Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn turut dianugerahkan gelaran Tun pada 1981 dengan anugerah darjah yang sama.

Turut menerima gelaran S.S.M. yang membawa gelaran Tun ialah dua bekas Timbalan Perdana Menteri - Tun Dr Ismail Abdul Rahman pada 1966 dan Tun Ghafar Baba pada 1995.

Dalam pada itu isteri kepada Tun Abdul Razak, Tun Rahah Mohd Noah turut menerima gelaran itu pada 1976. - Bernama



YANG DI-PERTUAN AGONG Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menganugerahkan Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran 'Tun' kepada Dr Mahathir Mohamad di Balairong Seri Istana Negara, semalam. - Gambar Bernama